

Perubahan Morfologi Bandar dan Usaha Pemuliharaan Bandar Lama Kecil di Malaysia Kajian Kes: Bandar Chukai

Urban Morphological Transformations and Conservation Initiatives in Small Town in Malaysia Case Study: Chukai Town

MUHAMMAD AFIQ WASIE MOHD ASRI, NOR ZALINA HARUN, MUHAMAD SOLEHIN FITRY ROSLEY & KHALILAH
ZAKARIYA

ABSTRAK

Berdasarkan kaedah yang digariskan oleh UNESCO World Heritage Centre dalam Historic Urban Landscape (HUL), kaedah pemetaan yang komprehensif merupakan langkah awal bagi menjamin keberkesanan pemuliharaan bandar bersejarah. Dalam konteks kajian pemetaan di peringkat tempatan, Kuala Lumpur, Georgetown dan Melaka adalah antara bukti pemuliharaan bandar bersejarah yang berkesan di Malaysia. Data pemetaannya telah diurus dengan baik sehingga mendorong kepada pelaksanaan pemuliharaan yang lengkap. Namun situasi sebaliknya berlaku ke atas bandar bersejarah bersaiz kecil. Akibatnya, berlaku gangguan terhadap morfologi bandar bersejarah sehingga mengancam aset warisan setempat terutamanya melibatkan bangunan warisan. Justeru, kajian ini berhasrat untuk meneroka tahap pelaksanaan pemetaan warisan di sebuah bandar pesisir air iaitu Bandar Chukai, Terengganu. Selain itu, kajian ini turut mencadangkan data pemetaan terkini sebagai langkah terkehadapan dalam memelihara morfologi bandar bersejarah. Kajian ini memperoleh dapatan melalui data pemetaan yang pernah dilaksanakan secara berfasa dan temu bual separa berstruktur bersama pihak berautoriti dalam pelaksanaan kerja pemuliharaan bandar ini. Responden terdiri daripada pegawai muzium daerah, perancang bandar di peringkat daerah dan peringkat negeri. Data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan Analisa bertema yang bersandarkan kepada garis panduan daripada implementasi HUL. Hasil kajian mendapati berlakunya pengabaian pemuliharaan khususnya dalam pelaksanaan pemetaan oleh pihak berautoriti. Kelompongan ini lalu mendorong kepada gangguan morfologi bandar khususnya terhadap plot bangunannya. Kajian ini menyimpulkan bahawa kelompongan dalam peringkat awal pemuliharaan memerlukan perhatian serius. Sebagai salah satu kaedah penyelesaian, kajian ini mengemukakan penghasilan pemetaan terkini menggunakan kaedah GIS bagi tujuan rujukan kajian akan datang dalam konteks mengenal pasti aset warisan melalui bangunan warisan yang masih berdiri di Bandar Chukai.

Kata kunci: Bandar bersejarah; morfologi; warisan; pemetaan; pemuliharaan

ABSTRACT

According to the guidelines provided by the UNESCO World Heritage Center in the Historic Urban Landscape (HUL), the initial step towards ensuring the success of historic urban conservation is to implement a thorough mapping technique. Kuala Lumpur, Georgetown, and Malacca serve as examples of successful preservation of historic cities in Malaysia within the scope of local mapping studies. The mapping data has been well administered, resulting in a comprehensive implementation strategy for conservation. Conversely, small-scale historical cities experience the reverse scenario. Consequently, the morphology of the historic city is disturbed, posing a risk to the preservation of the local heritage especially involving historic buildings. Hence, this study aims to investigate the extent to which heritage mapping has been implemented in Chukai Town, a seaside city located in Terengganu. Furthermore, this study proposes that the most recent mapping data represents a significant advancement in the conservation of the morphology of the historic city. This study acquired results by utilizing data mapping techniques and conducting semi-structured interviews with key stakeholders involved in the city's conservation efforts. The participants comprised of museum administrators at the district level, as well as urban planners at both the district and state levels. The acquired data has been examined through thematic analysis, following the criteria outlined in the HUL implementation. The study's findings revealed a significant prevalence of conservation negligence, particularly in the execution of mapping by the authorities. This

collective subsequently results in the morphological disruption of the urban area, particularly affecting the allocation of land for construction purposes. This study argues that the inequality in the early stages of conservation requires careful attention. Ultimately, this study culminates in the development of a map using GIS techniques as a viable solution approach to identify the heritage assets through historical buildings that are still standing.

Keywords: Historic town; morphology; heritage; mapping; conservation

PENGENALAN

Pemuliharaan merujuk kepada sebuah tindakan penjagaan dan membaik pulih nilai warisan di dalam sesuatu kawasan. Tindakan ini berlandaskan pelan perancangan yang teliti serta bersesuaian bagi mengelakkan sebarang ancaman kerosakan. Feilden (2003) berpendapat, pemuliharaan merupakan suatu tindakan yang diambil bagi mengelakkan pereputan dan kerosakan serta melaksanakan tindakan untuk menguruskan perubahan secara dinamik. Dalam konteks pemuliharaan bandar, ia adalah tindakan pengurusan bagi memanjangkan hayat warisan ketara sedia ada seperti bangunan warisan sehingga boleh digunakan pada masa akan datang. Yazid Salleh (2010) menyatakan pemuliharaan sebagai sebuah aktiviti yang mampu mengekalkan nilai warisan terhadap bangunan berkepentingan yang ada untuk terus digunakan pada masa akan datang. Seterusnya, mampu mendatangkan impak positif kepada morfologi sesebuah bandar bersejarah secara lebih menyeluruh.

Chiaradia (2019) secara ringkasnya menyebut, morfologi bandar boleh dianggap sebagai kajian terhadap bentuk fizikal sesebuah penempatan. Namun menurutnya secara lebih tepat, ia merujuk kepada pembentukan dan hubungan antara komponen yang menggambarkan perubahan komposisi dan konfigurasinya dalam fabrik bandar. Menurut Oliviera (2016) morfologi bandar adalah sebagai kajian terhadap bentuk bandar (*urban form*) dan ejennya serta proses perubahan yang terlibat. Morfologi berdasarkan penelitian kepada elemen fizikal bentuk bandar yang terdiri daripada jalan, ruang terbuka, plot atau lot, bangunan dan blok (Oliviera 2016; Mohamed et al. 2018). Maka kajian ini akan membincangkan berkenaan pemuliharaan bandar bersejarah, khususnya melibatkan aset warisan melalui bangunan warisan yang harus diberi perhatian kerana ia menyumbang kepada pembentukan fabrik bandar tersebut.

Pelaksanaan pemuliharaan bandar amat penting bagi mengekalkan morfologi bandar sedia ada di bandar bersejarah. Cohen (2001) telah menegaskan bahawa pemuliharaan terhadap bandar adalah keperluan budaya. Hal ini dikatakan demikian kerana

perkembangan bandar melalui pembangunan moden telah memberikan tekanan kepada nilai sejarah dan sosio-budaya dan estetik dengan keunikan sedia ada serta telah berkembang lama di sesebuah bandar. Tekanan sebegini jika tidak diberikan perhatian yang khusus akan memberikan impak buruk seperti pengabaian, kerosakan dan pelupusan kepada kelangsungan nilai sejarah terhadap sesebuah bandar. Lantas mampu mengekang pembangunan lestari sesebuah bandar bersejarah (Jiang et al. 2022) Oleh itu, perlunya satu langkah pemuliharaan yang bersesuaian untuk mengekalkan morfologi sedia ada.

Usaha pemuliharaan bandar bersejarah telah mendapat perhatian ramai pengkaji seluruh dunia termasuklah pertubuhan badan warisan dunia seperti UNESCO. Ini adalah suatu usaha untuk mengekalkan nilai warisan budaya di lokaliti masing-masing. Justeru itu,, terlahirlah sebuah pengesyoran berkenaan pendekatan terbaik dalam mengimplementasi pendekatan terbaik terhadap pemuliharaan bandar. Pihak UNESCO (2011) telah mengeluarkan gagasan untuk mengambil pendekatan *Historic Urban Landscape* (HUL) dalam melaksanakan tindakan pemuliharaan bandar bersejarah. Pendekatan ini diusahakan untuk memberikan peningkatan kepada kelestarian perancangan dan reka bentuk yang memberi kesan kepada persekitaran binaan (*built environment*) sedia ada, warisan, kepelbagaian budaya, sosio-ekonomi dan faktor persekitaran yang terkait dengan nilai komuniti (UNESCO). Hal ini berikutan pendekatan ini dilihat bersesuaian digunakan ke atas majoriti bandar lama dan bersejarah, tanpa mengira saiz kawasan. Pendekatan ini menitikberatkan keperluan pemetaan sebagai langkah awal yang kritikal dalam menjamin pemuliharaan. Sebagai sebuah bandar lama yang mempunyai isu dalam aspek pemetaan, pendekatan ini dilihat bersesuaian untuk diterapkan. Terutamanya dalam konteks melihat hubungan antara pemetaan yang lompong dengan kemerosotan pemuliharaan nilai warisan di kawasan berkenaan.

HUL amat menekankan tinjauan pemetaan yang komprehensif dalam pelaksanaan pemuliharaan bandar. Ia adalah langkah kritikal awal dalam menjalankan sebuah usaha pemuliharaan bandar

bersejarah yang berkesan dan lestari. Fungsi pemetaan yang komprehensif dilihat terserlah ketika ia digunakan sebagai alat mengenal pasti perincian penting seperti lokasi, kondisi, fungsi dan lain-lain butiran yang mampu memberi input kepada kawasan kajian bagi tujuan perancangan kerja pemuliharaan akan dilaksanakan (Udeaja et al. 2020). Kaedah pemetaan seperti penyelidikan dokumentasi, teknik survei dan penggunaan *Geographic Information System* (GIS) (Hoda Zeayter et al. 2018) merupakan antara kaedah pemetaan yang mampu digunakan melalui pendekatan HUL.

Pemetaan juga penting dalam memperjelaskan perkembangan dan perubahan fizikal yang berlaku terhadap sesebuah bandar bersejarah (Prabowo et al. 2020). Representasi butiran nilai warisan sebegini akan menunjukkan kepentingan warisan secara lebih berfokus, selain mampu menarik minat pihak berkepentingan untuk turut memberikan perhatian yang lebih terhadap sesebuah kawasan. Lai et al. (2017) telah menunjukkan kegunaan pemetaan sebagai sebuah alat representasi yang mampu menonjolkan kepentingan warisan dan secara tidak langsung menjamin pemuliharaannya. Oleh itu, jelaslah bahawa pemetaan amat penting sebagai batu asas bagi pemuliharaan bandar bersejarah yang lebih menjamin dan terancang.

Selaras dengan perkembangan teknologi terkini, penggunaan teknik dan kaedah pemetaan digital seperti GIS dilihat semakin pesat diaplikasikan untuk melihat perkembangan yang berlaku terhadap bandar-bandar bersejarah. Jebur (2021) menganggap bahawa GIS sebagai kaedah pemetaan yang paling tepat dan mengujakan. Hal ini dikatakan demikian kerana GIS menggunakan sistem pangkalan data kartografi yang menggunakan aplikasi pemetaan berkomputer, di mana ia digunakan sebagai alat yang komprehensif untuk penganalisan spatial. Penggunaan teknologi ini akan membantu kerja pengumpulan, penyimpanan, mendapatkan semula, analisis dan memaparkan data.

Penggunaan kaedah GIS sangat bermanfaat dan fleksibel kepada banyak bidang kajian, termasuklah kepada kajian-kajian terhadap pemuliharaan bandar yang amat menitikberatkan fungsi pemetaan ke atas fabrik bandar. Pelaksanaan pemetaan melalui teknologi seperti GIS membantu untuk mengenal pasti morfologi bandar sehinggalah mampu untuk mengezon kawasan-kawasan tertentu untuk dilaksanakan kerja pemuliharaan susulan (Hoda Zeayter et al. 2018; Q. He et al. 2021; Xia et al. 2022). Lantas menunjukkan fungsi optimum

pemetaan yang komprehensif terhadap keberkesanan pemuliharaan bandar secara berkesan. Oleh yang demikian, kemudahan seperti ini wajar dimanfaatkan sebaiknya bagi mencapai pemuliharaan bandar bersejarah yang lebih menjamin dan mapan.

MASALAH PEMETAAN SEBAGAI CABARAN TERHADAP USAHA PEMULIHARAAN BANDAR BERSEJARAH BERSAIZ KECIL DI MALAYSIA

Malaysia sebagai sebuah negara yang kaya dengan perkembangan sejarah, sudah lama menjalankan usaha pemuliharaan bandar bersejarah (Yazid Salleh 2010). Sejak tahun 1960-an, usaha pemuliharaan bandar di sekitar Semenanjung Malaysia seperti di Kota Johor Lama, Johor dan Kota Belanda, Pulau Pangkor menjadi titik tolak yang penting dalam langkah awal pemuliharaan bandar tempatan. Pemuliharaan bandar bersejarah yang berjaya di Malaysia juga ditunjangi oleh aspek pemetaan digital yang komprehensif yang memanfaatkan penggunaan teknologi GIS.

Beberapa kawasan bandar bersejarah seperti di Kuala Lumpur, Georgetown, Taiping dan Melaka telah memperolehi manfaat daripada teknologi ini sehingga berjaya mengangkat kepentingan warisan setempat dengan menonjolkan lokasi dan zon warisannya. Hal ini sebagaimana yang telah diperjelaskan melalui Rancangan Tempatan Daerah dan Rancangan Kawasan Khas yang dirancang oleh pihak autoriti di lokaliti masing-masing (PLANMalaysia 2016; PLANMalaysia 2021). Hasil daripada perkembangan sebegini, dapat dilihat bahawa lokasi bandar lama ini telah mendapat usaha pemuliharaan yang lebih menjamin dan mapan, selain turut menjadi lokasi tumpuan pelancongan bersejarah serta warisan yang terkenal.

Namun demikian, penekanan yang sama tidak diberikan terhadap bandar lama bersaiz kecil. Sebagai contohnya, bandar bersejarah yang jelas dibelenggu masalah sebegini adalah Bandar Chukai. Bandar ini mempunyai masalah dari segi data pemetaan khususnya berkaitan warisan terbina. Sehingga ke hari ini kerja pemetaan tidak dilaksanakan dengan baik sehingga berlakunya kelompongan dalam mendapatkan data pemetaan dengan butiran yang lengkap. Secara tidak langsung dapat disimpulkan bahawa berlakunya pengabaian terhadap kerja pemuliharaan bandar lama Chukai pada peringkat awal lagi. Keadaan ini mampu menyebabkan pencerobohan hak warisan ke atas bangunan warisan, sehingga ia berupaya mengakibatkan bangunan warisan dilupakan.

Data pemetaan yang lengkap adalah adalah input yang paling penting bagi mengetahui morfologi sesebuah bandar sebagaimana yang telah ditegaskan oleh Erkan (2018). Menurutnya, tanpa pemetaan, langkah seterusnya ke arah sebuah usaha pemuliharaan tidak dapat dicapai. Penganalisaan oleh Prabowo et al. (2020) telah menunjukkan kejayaan penggunaan peta sebagai dokumen utama dalam melihat perkembangan morfologi ke atas sebuah bandar bersejarah. Kajian oleh Maria Jesus Puy-Alquiza et al. (2018) juga telah mengetengahkan fungsi peta dalam mengenal pasti kerosakan yang berlaku terhadap bangunan warisan. Justeru, jelas bahawa data pemetaan yang lengkap adalah sangat penting dalam mengetahui bentuk bandar bersejarah seperti Bandar Chukai. Kelompongan terhadap data pemetaan akan menyebabkan langkah awal pemuliharaan terbantut.

Selaras dengan itu, Mohd Qaween Mootar (2019) berpendapat bahawa masalah pendokumentasian sebegini sememangnya merencatkan kerja pemuliharaan. HUL memberikan penekanan terhadap kepentingan pemetaan dalam mengenal pasti nilai warisan yang ada di bandar bersejarah. Hal ini sebagaimana yang diperjelas melalui kajian-kajian sebelum yang menekankan pemetaan bagi langkah awal dalam usaha pemuliharaan bandar lama yang lebih lestari. Oleh yang demikian, pendekatan HUL terutamanya dalam aspek tinjauan pemetaan yang komprehensif dilihat mampu untuk mengenalpasti dan mengekstrak data nilai warisan yang ada di dalam fabrik bandar bersejarah ini.

Penggunaan kaedah pemetaan digital seperti GIS dapat mendatangkan kesan yang cukup positif kepada gerak kerja pemuliharaan bandar bersejarah yang bersaiz kecil di Malaysia seperti Bandar Chukai. Beberapa bandar bersejarah tempatan telah menunjukkan bukti bahawa dengan memberikan fokus kepada data pemetaan yang baik, nilai warisan setempat mampu diangkat. Sekali gus, menjamin pemuliharaan yang lebih berkesan. Data pemetaan yang menyeluruh terhadap rupa bandar amat penting bagi melihat perkembangan yang berlaku ke atas bandar (Prabowo et al. 2020). Oleh yang demikian, penggunaan GIS membantu untuk menguruskan kerja pengumpulan, penyimpanan, mendapatkan semula, analisa dan memaparkan data (Jebur 2021) dengan berkesan bagi tujuan pemuliharaan Bandar Chukai.

MATLAMAT KAJIAN

Menerusi tinjauan literatur yang komprehensif, usaha pemuliharaan bandar bersejarah di Malaysia masih lagi di tahap yang rendah. Tahap yang rendah ini merujuk kepada tindakan pemuliharaan yang hanya menumpukan kepada lokasi bandar-bandar bersejarah yang besar, contohnya, Bandaraya Melaka, Kuala Lumpur, Georgetown dan seangkatan dengannya. Perkara ini dapat dibuktikan dengan melihat kepada dokumen perancangan dan garis panduan rasmi seperti Rancangan Tempatan, Rancangan Khas dan sebagainya, yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tempatan di lokaliti berkenaan. Dokumen sebegini melibatkan pemetaan kawasan yang menyeluruh, garis panduan dan pelan tindakan pemuliharaan dan penambahbaikan yang lengkap ke atas sesebuah lokaliti warisan bandar-bandar ini. Secara tidak langsung, isu seperti gangguan terhadap morfologi warisan bandar dapat dikawal dengan berkesan.

Tambahan pula, lokasi bandar-bandar bersejarah yang bersaiz besar seperti di Georgetown dan Kuala Lumpur mempunyai sebuah unit khas di bawah pentadbiran pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi menjaga kepentingan warisan di dalam bandar. Unit seperti Jabatan Konservasi Warisan (Portal Rasmi Majlis Bandaraya Pulau Pinang, 2023) dan Unit Pengekalan dan Seni Bandar (Yazid Salleh 2010) adalah pihak yang bertanggungjawab menyelaraskan panduan pembangunan, melaksana kerja penambahbaikan ke atas bangunan dan melaksanakan kerja pemuliharaan secara umum ke atas kawasan warisan di dalam bandar. Ini adalah bukti komitmen pihak pentadbiran tempatan dalam menjaga warisan yang ada di bandar-bandar besar berkenaan. Selain membuktikan usaha pemuliharaan yang baik telah dijalankan di kawasan sebegini, dan mampu untuk dijadikan contoh pengimplementasian panduan pemuliharaan di lokasi bandar yang lain di Malaysia.

Dengan segala pelan tindakan pemuliharaan bandar yang pernah dijalankan, dalam konteks yang lebih menyeluruh, usaha pemuliharaan bandar bersejarah di Malaysia masih lagi dilihat mempunyai kelompongan yang besar. Hal ini dikatakan demikian kerana fokus yang sebegini baik kurang diberikan sama ke atas bandar bersejarah bersaiz kecil. Kebanyakan garis panduan melalui pelan perancangan tempatan kurang menitikberatkan isu pemuliharaan terhadap kawasan-kawasan sebegini.

Malahan terdapat kawasan di mana berlakunya isu dalam peringkat awalan usaha pemuliharaan. Antara masalah yang telah dikenalpasti adalah kelompongan pemetaan warisan ketara seperti bangunan warisan yang ada di bandar sebegini. Keadaan ini telah menyebabkan kesukaran dalam mengenal pasti bangunan warisan dan nilai warisan ketara yang ada 'menghiasi' morfologi warisan bandar bersejarah bersaiz kecil.

Langkah awal pemuliharaan melalui usaha tinjauan pemetaan yang komprehensif adalah sangat mustahak dalam mengenal pasti kedudukan nilai warisan setempat seperti bangunan yang ada di sesebuah bandar bersejarah. Tanpa pemetaan yang komprehensif, data berkenaan lokasi, jumlah dan jenis bangunan tidak dapat dipantau dengan baik. Seterusnya, ia mampu memberi ancaman kepada rupa bentuk bandar bersejarah. Oleh yang demikian, kajian ini berhasrat untuk meneroka tahap implementasi pemetaan bangunan warisan di bandar bersejarah bersaiz kecil. Data pemetaan terkini turut dicadangkan sebagai langkah terkehadapan dalam memelihara elemen penting morfologi melalui bangunan warisan di bandar yang terlibat.

METODOLOGI

Kajian ini telah menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan 2 kaedah pengumpulan data iaitu analisis dokumen dan temu bual separa berstruktur dalam mencapai matlamat kajian. Analisis dokumen di dalam kajian ini merujuk kepada penganalisan terhadap 2 data pemetaan yang terdapat ke atas Bandar Lama Chukai. Kajian awal telah mendapati bahawa terdapat sebuah pemetaan yang menunjukkan butiran terperinci warisan binaan di Chukai yang dikeluarkan pada tahun 1995. Menerusi pemetaan ini, butiran seperti alamat, jenis bangunan, gaya binaan serta jumlah bangunan telah dinyatakan dengan agak terperinci. Walau bagaimanapun, tiada tindakan susulan ke atas pemetaan pada tahun berikutnya. Pihak Jabatan Perancangan Bandar, Cawangan Kemaman

bagaimanapun telah menjalankan pemetaan baharu yang menunjukkan nama jalan dan lot bangunan terkini di Chukai. Walau bagaimanapun, dari segi perincian data bangunan lama, ia tidak dinyatakan di dalam pemetaan tersebut.

Kaedah kutipan data yang melibatkan temu bual separa berstruktur juga dijalankan bagi mendapatkan informasi berkenaan usaha pemuliharaan yang pernah dijalankan ke atas Bandar Chukai. Hal ini termasuklah untuk mengetahui dengan lebih lanjut berkenaan pelaksanaan pemetaan warisan binaan yang terdapat di sekitar kawasan bandar. Temu bual ini dijalankan ke atas seorang wakil pegawai daripada tiga pihak berkepentingan untuk terlibat sama dengan pelaksanaan pemuliharaan bandar lama Chukai. Ketiga-tiga pihak ini mempunyai autoriti tersendiri berdasarkan peranan yang mampu dimainkan dalam konteks pentadbiran tempatan. Hal ini kerana pihak-pihak ini berfungsi sebagai badan perancang dan juga mampu bertindak sebagai badan pelaksana berkenaan hal pemuliharaan bandar. Ketiga-tiga pihak ini terdiri daripada (i) Jabatan Perancangan Bandar, Cawangan Kemaman, (ii) Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Negeri Terengganu dan (iii) Muzium Kemaman. Jadual 1 menerangkan berkenaan kaedah analisis data kajian setelah kutipan data melalui dokumen dan temu bual telah dijalankan.

Soalan temu bual yang dijalankan berteraskan 3 komponen tema bagi mengetahui pendekatan pengurusan yang diambil oleh pihak-pihak berkepentingan dalam memelihara bangunan warisan. 3 komponen berkenaan adalah (i) keadaan terkini bangunan, (ii) perkembangan pemetaan dan pemuliharaan dan (iii) impak daripada usaha pemuliharaan yang pernah dijalankan. Hasil daripada temu bual yang dijalankan, data akan dianalisis bagi mengetahui serta menyimpulkan pendekatan pengurusan pihak berkepentingan. Penilaian ini dibuat berdasarkan panduan praktikal daripada proses/langkah pelaksanaan HUL (UNESCO 2016) berdasarkan tindakan pemuliharaan yang telah dilaksanakan.

JADUAL 1. Kaedah Analisis Data

K. Kutipan Data	Sumber/Sampel Data	Kaedah Analisis Data
Analisis Dokumen	<ul style="list-style-type: none"> • Pemetaan Bangunan Sebelum Perang di Bandar Chukai • Pemetaan Terkini 	<ol style="list-style-type: none"> Membandingkan kedua-dua pemetaan bagi mendapat gambaran terkini tentang lokasi bangunan warisan dengan lebih tepat. Memberi perhatian kepada perubahan yang berlaku seperti perubahan nama jalan, nama bangunan, etc.
Temu Bual Separa Berstruktur	<ul style="list-style-type: none"> • 1 wakil pegawai Jabatan Perancangan Bandar, Cawangan Kemaman • 1 wakil pegawai Perancangan Bandar dan Desa, Negeri Terengganu • 1 wakil pegawai Muzium Kemaman 	<ol style="list-style-type: none"> Mengenal pasti usaha pemuliharaan yang pernah dijalankan oleh pihak berwajib ke atas bangunan warisan. Memperhalusi pemetaan dan rangka kerja pemuliharaan yang dijalankan. Analisa data yang dikumpul daripada temu bual dianalisis menggunakan analisis kandungan bertema. Pendekatan HUL telah digunakan sebagai garis panduan analisis tindakan pemuliharaan yang pernah dijalankan.

KAWASAN KAJIAN DAN JUSTIFIKASI PEMILIHAN

Kajian ini dijalankan di Bandar Chukai, Terengganu, sebuah bandar lama bersaiz kecil yang terletak bersebelahan dengan Sungai Kemaman. Lokasinya yang terletak berdekatan dengan Sungai Kemaman menunjukkan bahawa kawasan ini kepentingan dari segi ekonomi setempat. Suatu ketika dahulu, kawasan ini juga pernah muncul sebagai lokasi tumpuan ekonomi yang telah mengalami pembangunan pesat sejak era kolonial British. Hasil daripada kajian awal telah mendapati bahawa masalah utama terhadap perkembangan pemuliharaan warisan budaya melalui bangunan warisan di Bandar Chukai adalah ketiadaan pemetaan berkala terhadap bangunan warisan yang lengkap. Kenyataan ini adalah kerana terdapat kelompongan yang besar pelaksanaan pemetaan bangunan warisan sejak awal ia dilaksanakan pada tahun 1992/1993 (Idid 1995).

Pemetaan yang dilaksanakan pada tahun berkenaan boleh dianggap lengkap kerana ia menyertakan butiran seperti alamat, jumlah

bangunan, jenis bangunan dan gaya seni bina dengan agak terperinci. Sebanyak 28 buah bangunan lama pelbagai jenis seperti rumah kediaman, rumah kedai, rumah ibadah dan pejabat telah disenaraikan melalui pemetaan berkenaan. Lokasi bangunan-bangunan lama ini kesemuanya terletak di Jalan Pasar, Jalan Sulaimani dan Jalan Masjid (kini Jalan Sulaiman dan Jalan Pasar telah digabungkan menjadi Jalan Sulaimani). Bangunan-bangunan ini amatlah penting dari segi nilai warisan kerana kebanyakannya telah mencapai status bangunan warisan menurut Jabatan Warisan Negara (JWN). JWN telah mengeluarkan garis panduan berkenaan usia bangunan untuk mencapai status bangunan warisan iaitu sekurang-kurangnya mesti mencapai usia 50 tahun, disamping perlu mempunyai kepentingan prominen dari segi sejarah (Akta 645). Rata-rata bangunan lama yang dinyatakan melalui pemetaan adalah berusia 90 tahun dan ke atas. Secara tidak langsung menunjukkan kelayakan kesemua bangunan ini dipandang sebagai nilai warisan tempatan.



RAJAH 1. Peta Satelit dan Lorekan Poligon Kawasan Kajian Yang Terlibat di Bandar Chukai (Google Earth)

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian telah memperoleh 2 buah peta yang menunjukkan rupa bentuk Bandar Chukai. Telah didapati bahawa terdapat kerja pemuliharaan peringkat awal dari aspek pemetaan yang pernah dijalankan ke atas Bandar Chukai khususnya melibatkan pengenalpastian butiran bangunan warisan yang ada di kawasan berkenaan. Pemetaan yang pertama telah dijalankan pada tahun 1995 yang turut melibatkan pihak Badan Warisan Malaysia (S.Z.A. Idid). Manakala pemetaan kedua telah dilaksanakan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu Jabatan Perancangan Bandar, Cawangan Kemaman.


Pada tahun 1995, sebuah kajian berkenaan pemetaan khazanah warisan binaan, telah dilaksanakan yang mana ia turut melibatkan kawasan Chukai. Pemetaan ini dilihat agak lengkap berikutan perincian penting yang diketengahkan seperti jumlah, jenis bangunan dan sebagainya. Hasil daripada pemetaan berkenaan, telah didapati terdapat sebanyak 28 buah bangunan sebelum perang yang telah direkod serta diklasifikasikan sebagai

bangunan warisan di Chukai. Dalam sejumlah 28 buah bangunan ini, 22 daripadanya merupakan bangunan rumah kedai. Manakala selebihnya ialah bangunan yang berfungsi sebagai pejabat, rumah ibadah, kilang dan rumah kediaman. Jadual 2 menunjukkan butiran berkenaan setiap bangunan yang terlibat meliputi jenis, nama, lokasi, gaya seni bina dan jumlah bangunan warisan yang ada.

Rata-rata bangunan-bangunan yang tersenarai di dalam Jadual 2 sudahpun berusia hampir ratusan tahun. Sebagai contohnya, bangunan Malayan Banking telah dibina pada tahun 1920an (Muzium Negeri Terengganu 2022). Bangunan berkenaan pernah berfungsi sebagai pejabat bijih besi pada era kolonial British di Tanah Melayu. Kini bangunan tersebut telah berubah fungsi menjadi Muzium Kemaman. Selain itu, deretan bangunan rumah kedai di Jalan Pasar juga telah lama dibina. Bangunan-bangunan berkenaan telah dibina sekitar tahun 1939, menjadikan ia sudah berusia 84 tahun. Ini berdasarkan ukiran tahun binaan yang terdapat di bahagian atas bangunan rumah kedai.

JADUAL 2. Taburan dan gaya seni bina bangunan warisan di Bandar Chukai (Idid 1995)

Jenis Bangunan	Nama Bangunan	Lokasi Bangunan	Gaya Seni Bina	Tahun Dibina	Jumlah
Rumah Kedai	-	Jalan Pasar	<i>Gaya Eclectic</i>	1939	13
Sebelum Perang		Jalan Sulaiman	<i>Gaya Eclectic</i>	1939	9
Bangunan Awam	Malayan Banking Bhd.	Jalan Sulaiman	Art Deco	1920an	1
Rumah Ibadah	Masjid Jamek	Jalan Masjid	Masjid Melayu Klasik	-	1
Kilang / Perusahaan	Siew Distillery	47 Jalan Bakar	Awal Kolonial	-	1
Bangunan Awam	Bekas Pejabat Kastam	Jalan Sulaiman	Awal Kolonial	1920an	1
Rumah Kediaman	Tidak Dinyatakan	191 Kampung Cina	Awal Moden	-	1
Rumah Kediaman	-	K52 Jalan Kampung Cina	Awal Kolonial	-	1



RAJAH 2. Lakaran Bangunan Sebelum Perang di Bandar Chukai (Idid 1995)

Kajian ini juga menyertakan sebuah peta yang berbentuk lakaran menunjukkan lokasi bangunan-bangunan rumah kedai yang terlibat sepertimana yang ditunjukkan melalui Rajah 2. Lakaran ini melibatkan deretan bangunan rumah kedai di sekitar Jalan Pasar. Walau bagaimanapun terdapat kelemahan dalam lakaran ini kerana ia hanya menonjolkan sebahagian kecil bangunan warisan dan tidak menonjolkan bangunan-bangunan lain secara menyeluruh. Namun begitu, ia adalah hal yang kecil butiran yang lengkap telah disenaraikan,

namun adalah lebih jelas dan lebih mudah difahami sekiranya lakaran turut melibatkan bangunan warisan yang lain juga.

Namun begitu, dengan terlaksananya kajian perintis sebegini dapat dilihat bahawa pihak pelaksana telah berjaya mengenal pasti dengan baik bangunan warisan yang masih ada di Chukai. Sekali gus menunjukkan kawasan ini mempunyai nilai yang prominen dari segi sejarah dan berpotensi serta wajar untuk mendapat tindakan pemuliharaan selanjutnya.



FOTO 1. Kompilasi bangunan warisan yang terlibat
(dari kiri atas: Masjid Jamek dan Muzium Kemaman)
(dari kiri bawah: Rumah Kedai di Jalan Sulaimani dan Rumah Kedai di Jalan Jakar)



FOTO 2. Rumah kediaman K52, Jalan Kampung Cina

Peta yang terkini melalui Rajah 3 telah diberikan oleh pihak Jabatan Perancangan Bandar, Cawangan Kemaman selaku pihak berkuasa tempatan yang mempunyai autoriti untuk melakukan pemetaan dan merancang pembangunan Bandar Chukai. Pemetaan ini dilaksanakan pada tahun 2021 dan pada awalnya bertujuan untuk mengenal pasti lot bangunan, guna tanah, rupa bandar dan butiran-butiran lain untuk melaksanakan perancangan pembangunan ke atas kawasan berkenaan. Pernyataan ini berdasarkan dapatan dari temu bual ke atas wakil pihak PBT. Peta ini menggambarkan pelan lot bangunan yang terdapat disekitar Jalan Sulaimani, Jalan Masjid dan Jalan Abdul Rahman, sebagaimana fokus butiran lokasi bangunan yang tersenarai di Jadual 2. Namun begitu, terdapat input penting yang boleh diperolehi daripada pemetaan ini. Input seperti perubahan nama jalan adalah hal yang telah dikenal pasti di dalam pemetaan ini. Nama Jalan Pasar tidak lagi digunakan kini kerana ingin menggunakan nama Jalan Sulaimani sahaja untuk sepanjang jalan. Sebagaimana telah didedahkan sendiri oleh pihak PBT sewaktu temu bual dijalankan.

Sewaktu sesi temu bual bersama pihak PBT, pihak ini telah menjelaskan perubahan yang berlaku ke atas nama jalan-jalan ini selain turut menunjukkan persempadanan antara setiap jalan yang terlibat. Menurutnya, perubahan nama jalan ini telah berlaku pada sekitar tahun 1980-an, kerana melihat kepada jarak jalan yang tidak panjang namun mempunyai 3 nama yang terlibat. Pihak ini merasakan tiada keperluan untuk mengekalkan ketiga-tiga nama jalan yang berbeza padahal melibatkan jalur jalan yang sama dan pendek. Oleh itu, nama Jalan Pasar dibatalkan dan nama Jalan Sulaiman digantikan kepada Jalan Sulaimani. Menjadikan keadaan jalan seperti yang dapat dilihat menerusi Rajah 3. Kerja menaik taraf nama jalan ini telah dianjurkan oleh Majlis Daerah (kini dikenali sebagai Majlis Perbandaran Kemaman).

Berdasarkan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), menerusi Seksyen 29 iaitu berkenaan nama jalan, pihak JBPT Kemaman mempunyai keupayaan untuk mengubah ataupun menetapkan nama jalan di sesebuah kawasan. Namun tindakan ini haruslah mempunyai alasan yang jelas/munasabah, selain turut tertakluk kepada

kelulusan daripada pihak berkuasa negeri (PBN). Hal ini berikutan PBN mempunyai peruntukan bidang kuasa berkenaan tanah negeri (Nur Aini

2015). Hasilnya dapat dilihat berlakunya perubahan sebegini di jalan yang prominen dengan lokasi bangunan warisan di Bandar Chukai.



RAJAH 3. Pelan lot bangunan yang meliputi Jalan Sulaimani, Jalan Masjid dan Jalan Abdul Rahman (Jabatan Perancangan Bandar, Cawangan Kemaman 2021)

Hasil penelitian terhadap kedua-dua buah peta dan analisis dapatan temu bual separa berstruktur telah mendapati beberapa isu penting yang dapat dibangkitkan. Isu-isu yang berbangkit ini adalah secara khususnya memberi kesan terhadap bangunan warisan yang ada di Bandar Chukai. Hal ini juga telah menyebabkan morfologi warisan Bandar Chukai telah terganggu dan berubah. Secara tidak langsung memberi kesan yang negatif terhadap perkembangan pemuliharaan bandar ini. Isu-isu berkenaan adalah (i) pengabaian pemetaan bangunan warisan berdasarkan peta terkini, (ii) perubahan kepada morfologi warisan bandar setelah 27 tahun dan (iii) usaha pemuliharaan yang tidak menyeluruh oleh pihak berkepentingan.

PENGABAIAN PEMETAAN BANGUNAN WARISAN BERDASARKAN PETA TERKINI

Perbandingan yang dibuat terhadap kedua-dua buah peta, mendapati bahawa berlakunya pengabaian terhadap pemetaan bangunan-bangunan warisan di Bandar Chukai khususnya terhadap pemetaan yang terkini. Pemetaan pada tahun 1995 secara jelas telah mengetengahkan senarai bangunan-bangunan

warisan yang ada di kawasan Chukai. Tindakan kajian berkenaan mengenal pasti dan melaksanakan senarai dengan butiran lengkap, menunjukkan terdapatnya nilai warisan setempat di Chukai yang perlu dipulihara. Namun, hal ini tidak diberikan penekanan oleh pihak PBT menerusi peta terkini yang telah disediakan.

Pihak PBT tidak melaksanakan dan tidak menyambung usaha pemetaan bangunan warisan yang telah dilaksanakan. Sekali gus menyebabkan tiada kesinambungan pemetaan berlaku ke atas 28 buah bangunan terbabit sehinggalah ke hari ini. Pemetaan terkini telah membuktikan pernyataan ini. Pemetaan yang dijalankan tidak mampu untuk mengetengahkan atau menonjolkan butiran bangunan warisan yang ada, sebagaimana yang dilaksanakan pada tahun 1995. Hal ini oleh kerana ia tidak berfokus sedemikian. Pemetaan lebih berfungsi untuk mengetahui rupa bandar secara umum di kawasan meliputi Jalan Sulaimani, Jalan Abdul Rahman dan Jalan Masjid, untuk dilakukan pembangunan lokal.

Berdasarkan dapatan dari temu bual, pihak PBT tidak mempunyai data berkenaan butiran bangunan warisan seperti yang dikemukakan menerusi Jadual

2. Malahan, pihak PBT juga tidak mengesan akan keberadaan dan keadaan terkini sesetengah bangunan yang terlibat. Menurutnya, hal ini disebabkan ketiadaan data yang mampu diakses oleh pihak berkenaan. Bangunan seperti Siew Distillery dan rumah kediaman beralamat 47, Jalan Bakar dan K52, Jalan Kampung Cina adalah antara bangunan yang tidak diketahui keberadaannya oleh pihak PBT. Keadaan sebegini berlaku adalah disebabkan kesan secara langsung terhadap pengabaian pemetaan oleh pihak berkepentingan.

HUL sangat menitikberatkan pengenalpastian setiap butiran ke atas sesebuah tapak kajian melalui pelaksanaan tinjauan pemetaan yang komprehensif ke atas sebuah bandar lama (UNESCO 2016). Tindakan ini membantu untuk mendapatkan idea berkenaan penerapan kaedah pemuliharaan yang terbaik ke atas bandar berkenaan. Hasilnya, gambaran keseluruhan kawasan dapat dipetakan dan diperhatikan sehingga melibatkan kajian digitalisasi yang lebih kompleks untuk membantu strategi pengurusan data pemetaan sesebuah kawasan, seterusnya menjamin pemuliharaan kawasan tersebut (L. García-Soriano, et al. 2020). Dengan adanya data sebaik ini, risiko pengabaian ke atas warisan tempatan sebagaimana yang sedia ada berlaku di Bandar Chukai dapat dikawal dengan lebih baik.

Tambahan juga, menurut Hoda Zeayter et al. (2018) dan Doratli et al. (2001), informasi ke atas sesebuah tapak kajian yang ditonjolkan menerusi pemetaan mampu memainkan peranan ke arah penganalisaan yang berkesan. Penganalisaan terhadap latar belakang tapak, keadaan fizikal, fungsi dan lain-lain input tertentu adalah informasi tunjang dan terpenting bagi menjamin keberkesanan pemuliharaan rupa bentuk bandar bersejarah. Dengan ini, muncul kaedah dan alat untuk merekod informasi sebegini seperti penggunaan GIS, GPS, lakaran 3D dan sebagainya. Pendekatan sebegini mampu menonjolkan perubahan yang berlaku ke atas kawasan kajian seterusnya membantu mencapai penganalisaan yang lebih baik. Oleh itu, jelaslah akan kepentingan informasi yang lengkap terhadap pemetaan bandar bersejarah bagi tujuan pemuliharaan.

PERUBAHAN KEPADA MORFOLOGI WARISAN BANDAR SETELAH 27 TAHUN

Hasil perolehan kedua-dua pemetaan telah mendapati terdapat perbezaan tempoh waktu yang sangat panjang antara dua pemetaan tersebut. Pemetaan pertama telah dikeluarkan pada tahun 1995, manakala pemetaan kedua telah diperolehi pada tahun 2022 (berdasarkan penerimaan daripada pihak PBT). Perbezaan tempoh waktu sebanyak 27 tahun telah menunjukkan beberapa perubahan yang drastik, terutamanya terhadap rupa bentuk atau morfologi warisan yang ada di Bandar Chukai. Berdasarkan pemerhatian kasar terhadap peta yang diberikan oleh pihak PBT, telah didapati bahawa terdapat beberapa buah bangunan warisan yang tersenarai di Jadual 2 tidak lagi wujud pada hari ini atau dalam erti kata lain mungkin telah lupus.

Antara bangunan warisan dimaksudkan adalah Siew Distillery dan rumah kediaman beralamat 47, Jalan Bakar dan K52, Jalan Kampung Cina. Sebagaimana yang telah dijelaskan, pihak PBT tidak mengetahui akan keberadaan ketiga-tiga bangunan berkenaan. Namun, jika dilihat pada peta yang diberikan, boleh dianggap bahawa bangunan-bangunan berkenaan sudah lagi tiada. Hal ini kerana di dalam peta yang diberikan oleh pihak berautoriti tidak dinyatakan berkenaan lokasi lot bangunan-bangunan ini. Perkara ini tidak hanya memberikan kesulitan dalam mengenal pasti lokasi dan keadaan terkini bangunan, malahan ia juga mengganggu nilai warisan setempat dengan mengurangkan jumlah bangunan warisan yang ada di Bandar Chukai, jika dibandingkan dengan pemetaan pada tahun 1995.

Selain itu, bangunan signifikan dan dominan dari segi fungsi dan nilai iaitu Bekas Pejabat Kastam juga telah dilupuskan untuk tujuan perancangan pembangunan tempatan. Pelupusan tapak berkenaan dilakukan adalah kerana pihak PBT ingin mewujudkan sebuah kawasan zon hijau di Bandar Chukai. Hasilnya, tapak berkenaan kini telah dibangunkan menjadi sebuah taman persiaran dengan nama Taman Persiaran Bandar Chukai. Menurut pihak ini, bangunan berkenaan telah pun dilupuskan kerana bangunan berkenaan tidak lagi wajar untuk dikekalkan. Selain itu, pembangunan lain boleh diaplikasikan ke atas tapak berkenaan.



FOTO 3. Taman persiaran yang dibangunkan atas tapak bekas pejabat kastam

Perubahan yang berlaku ke atas rupa bandar ini adalah disebabkan pengabaian kepada data pemetaan yang sepatutnya diuruskan dengan baik oleh pihak berautoriti seperti pihak perancang bandar. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan adanya set data pemetaan yang komprehensif, warisan binaan yang telah berusia hampir ratusan tahun ini akan dinilai untuk diurus dengan lebih baik. Sekali gus merendahkan risiko pengabaian terhadap bangunan-bangunan ini. Jika dilihat kepada situasi pemuliharaan yang berlaku ke atas bandar-bandar seperti Georgetown, Taiping dan Melaka, pihak perancang yang terlibat telah memainkan peranan untuk menjamin kelangsungan warisan binaan di lokaliti terbabit. Melalui data pemetaan yang diuruskan dengan baik dan berkala, mereka mampu merangka pelan perancangan pemuliharaan warisan yang lebih menjamin dan mapan (PLANMalaysia 2016; PLANMalaysia 2021).

Seharusnya gerak kerja pemuliharaan dan pengurusan data pemetaan sebegini diambil contoh sekiranya mahu menjamin kelangsungan warisan binaan setempat. Oleh kerana itu, HUL sangat menitikberatkan fungsi pemetaan dalam melaksanakan pemuliharaan bandar bersejarah. Melalui pemetaan yang menyeluruh, nilai warisan

setempat mampu diangkat untuk diberikan perhatian (UNESCO 2016) dan tidak sewenang-nya dimusnahkan atau dipinggirkan. Sebagaimana menurut Lai et al. (2017), peta alat yang sangat berfungsi untuk mengangkat warisan setempat. Dengan adanya peta yang lengkap, kelebihan lain seperti usaha pemuliharaan warisan dapat dilaksanakan dengan berkesan (Prabowo et al. 2020).

USAHA PEMULIHARAAN YANG TIDAK MENYELURUH OLEH PIHAK BERKEPENTINGAN

Hasil temu bual separa berstruktur yang telah dijalankan ke atas ketiga-tiga pihak bertanggungjawab dalam hal ehwal pemuliharaan Bandar Chukai, telah mendapati bahawa pihak-pihak ini kurang memberi tumpuan kepada kerja pemuliharaan bandar. Buktinya, mengikut analisis langkah implementasi pemuliharaan bandar berdasarkan garis panduan HUL (UNESCO 2016), pihak berkepentingan ini secara umumnya tidak menjalankan kerja pemuliharaan dengan baik. Selain itu, ia juga tidak mencapai kriteria proses pemuliharaan yang sewajarnya.

JADUAL 3. Analisis tindakan yang diambil oleh informan berdasarkan langkah implementasi HUL (UNESCO 2016)

Proses/Langkah Berdasarkan Pelaksanaan HUL	Tindakan Yang Telah Diambil Oleh Informan (Ya/Tidak)		
	Jabatan Perancangan, Cawangan Kemaman	Plan Malaysia@Terengganu	Muzium Kemaman
Langkah 1 - sumber inventori	Ya	Ya	Ya
Langkah 2 - tentukan nilai	Tidak	Tidak	Tidak
Langkah 3 – tentukan kelemahan	Tidak	Tidak	Tidak
Langkah 4 - membangunkan strategi	Tidak	Tidak	Tidak
Langkah 5 - mengintegrasikan strategi	Tidak	Tidak	Tidak
Langkah 6 – utamakan	Tidak	Tidak	Tidak
Langkah 7 - perkongsian terbina	Ya	Ya	Ya
Langkah 8 – pantau sumber	Tidak	Tidak	Tidak

Analisis (berdasarkan Jadual 3) mendapati ketiga-tiga pihak berkepentingan secara umumnya telah memberikan respon yang sama berkenaan perkembangan pemuliharaan Bandar Chukai. Hasil temu bual mendapati terdapat dua langkah pemuliharaan yang pernah dijalankan di Bandar Chukai iaitu Langkah 1 (sumber inventori) dan Langkah 7 (perkongsian terbina). Inventori merujuk kepada senarai terperinci komponen yang terdapat di sesebuah tempat (Hizani Izzati Rijat@Hijjat 2018). Dalam ruang lingkup perbincangan kajian ini, inventori merujuk kepada senarai bangunan warisan setempat. Oleh itu, Langkah 1 adalah mengenalpasti beberapa kawasan dan bangunan yang mempunyai nilai warisan yang signifikan.

Pihak berkepentingan seperti pihak PBT dan pihak muzium mendapati bahawa terdapat sebilangan bangunan yang mempunyai latar belakang sejarah yang signifikan. Sebagai contoh, Muzium Kemaman dan Bekas Pejabat Kastam yang telah muncul sejak era kolonial. Selain itu, pihak ini turut mengetahui bahawa deretan rumah kedai di Jalan Pasar dan Jalan Sulaiman telah terbina lama pada era yang sama. Lantas menunjukkan bangunan penting dari segi sejarah dan usianya. Namun disebabkan kekurangan data yang boleh diperolehi, pihak ini hanya mempunyai pengetahuan asas berkenaan bangunan-bangunan warisan di sekitar Chukai.

Sungguhpun begitu, Muzium Kemaman telah mendapat kerjasama dan bantuan pemuliharaan daripada pihak luar untuk membangunkan serta mengekalkan identiti dan fungsi bangunan. Secara tidak langsung telah menjalankan langkah

pemuliharaan ketujuh menurut garis panduan HUL iaitu perkongsian terbina. Bangunan ini dahulunya pernah berfungsi sebagai pejabat bijih besi, seterusnya berubah fungsi dengan dibangunkan untuk menjadi sebagai sebuah bank iaitu Malayan Banking. Namun, pada tahun 2008 bangunan ini telah dibeli oleh Kerajaan Negeri Terengganu dan diserahkan kepada pihak Muzium Negeri Terengganu pada tahun 2009 (Muzium Negeri Terengganu 2022). Kerja pemuliharaan telah dijalankan pada tahun yang sama oleh dua buah syarikat lantikan pihak Jabatan Kerja Raya Daerah Kemaman.

Pihak Jabatan Perancangan Bandar telah menjelaskan berlakunya pengambilan tanah ke atas tapak bangunan Muzium Kemaman. Ia adalah sebagai salah satu langkah pemuliharaan melalui suai guna bangunan tersebut. Campur tangan daripada pihak kerajaan negeri Terengganu ke atas usaha pemuliharaan ini menunjukkan berlakunya satu kerjasama dan *built partnership* yang bersepadu untuk membantu pemuliharaan bangunan warisan di Chukai. Dapatan melalui temu bual bersama Pegawai Perancang telah mendapati bahawa kerjasama antara pihak Jabatan Perancangan Bandar dan kerajaan negeri Terengganu adalah berdasarkan Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486).

Akta ini telah memperuntukkan kuasa kepada pihak berkuasa negeri untuk mengambil sesebuah bidang tanah dengan syarat diberikan pampasan yang dikira mencukupi dengan nilai tanah berkenaan (Jaiya Abu 2020). Setelah proses pengambilan dan pemberian pampasan selesai, tanah berkenaan secara rasminya telah bertukar milik menjadi

milik kerajaan negeri dan sebarang kerja-kerja pembangunan boleh dimulakan (Jabatan Tanah dan Galian 2020). Keadaan ini secara tidak langsung mengesahkan pengimplementasian Langkah 7 HUL ke atas kawasan berkenaan yang melibatkan kerjasama antara pihak pentadbiran negeri dan pentadbiran tempatan.

Namun usaha pemuliharaan yang telah dilaksanakan tidak menyeluruh dan dilihat tidak mampu untuk mengangkat nilai warisan setempat di Bandar Chukai (UNESCO 2016). Kerja pemuliharaan sebaiknya perlu dijalankan secara lebih menyeluruh dan berintegrasi. Hal ini sebagaimana yang telah diketengahkan oleh Udeaja et al. (2020) yang menegaskan bahawa pendekatan yang lebih holistik seperti yang disyorkan oleh HUL perlu diambil perhatian bagi mencapai kesan pemuliharaan yang lebih baik dan lestari.

KESIMPULAN

Pemuliharaan bandar adalah tindakan penting bagi mengekalkan warisan terbina sedia ada di sesebuah bandar. Nilai warisan terbina yang ada di bandar seperti bangunan warisan, perlu mendapat tindakan pemuliharaan bagi mengekalkan struktur binaan dan merendahkan potensi kerosakan yang serius. Pemetaan sebagai langkah awal pemuliharaan adalah amat penting bagi mengenal pasti dan menyetengahkan warisan terbina yang ada di bandar. Data pemetaan yang lengkap digunakan bagi melaksanakan sebarang usaha pemuliharaan secara lebih berkesan. Implikasi ketiadaan data ini menyebabkan kerja pemuliharaan tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Hal ini dikatakan demikian kerana ia turut mengundang masalah lain seperti mencemarkan imej warisan dan morfologi bandar. Kes yang berlaku di Bandar Chukai adalah bukti bahawa pengabaian data pemetaan mampu memberikan impak yang negatif kepada kerja pemuliharaan bandar bersejarah.

Pemuliharaan bangunan warisan di Bandar Chukai tidak dapat dijalankan dengan baik. Dari segi pelaksanaan pemetaan, ia tidak mempunyai kesinambungan, khususnya pemetaan bangunan warisan. Hanya pemetaan yang lama sahaja telah menonjolkan butiran warisan terbina yang ada dengan lengkap. Manakala pemetaan baharu tidak diberikan perhatian akan hal ini. Secara tidak langsung data terkini terhadap keberadaan dan keadaan bangunan warisan di kawasan berkenaan tidak dapat diperolehi. Pihak berkuasa juga tidak memainkan peranan dengan sebaiknya. Hal ini berikutan tindakan pemuliharaan tidak dijalankan secara menyeluruh. Hanya 2 daripada 10 pemuliharaan bandar yang telah dilaksanakan. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat pengabaian ke atas nilai warisan setempat. Hal ini menyebabkan berlakunya gangguan kepada morfologi bandar bersejarah yang melibatkan bangunan warisan di bandar ini.

Menyedari masalah ini, terdapat keperluan yang berat untuk melaksanakan sebuah peta terkini yang lebih integratif dan komprehensif khususnya yang melibatkan butiran terkini elemen morfologi yang ada di Bandar Chukai seperti yang ditonjolkan oleh bangunan warisan. Sebuah pemetaan baharu yang menggunakan teknik GIS wajar dilaksanakan bagi mengenalpasti butiran terkini bentuk bandar ini. Penerapan teknik ini akan menyumbang kepada kesinambungan peta yang berfokus kepada aset warisan sedia ada di bandar tersebut. Selain turut mampu menyumbang input kepada langkah awal pemuliharaan bandar sebagaimana yang diketengahkan oleh HUL. Oleh yang demikian, sebuah peta dihasilkan bagi menyetengahkan lokasi bangunan warisan yang ada di Bandar Chukai berdasarkan input yang diperolehi melalui pemetaan pertama (1995) dan pemetaan kedua (2021), sebagaimana yang ditunjukkan melalui Rajah 4. Peta menunjukkan lokasi bangunan warisan yang berjaya dikenalpasti di Bandar Chukai. Peta ini melibatkan lokasi sebenar tiap-tiap bangunan warisan, namun



RAJAH 4. Peta terkini kedudukan bangunan warisan yang masih ada di Bandar Chukai

tidak kepada 191 Kampung Cina dan perusahaan Siew Distillery. Ini berikutan kerana keberadaan kedua-dua bangunan tersebut tidak dapat dipastikan.

Masalah yang berlaku di Bandar Chukai memberikan gambaran bahawa berlakunya kelompondan kerja pemuliharaan yang dinamik kepada bandar bersejarah di Malaysia. Keadaan ini turut memberi gambaran bahawa berkemungkinan keadaan yang sama turut membelenggu kebanyakan bandar sebegini. Sebagai sebuah negara yang mempunyai latar belakang sejarah yang panjang, Malaysia seharusnya berusaha sedaya upaya untuk mengekalkan keunikan warisan yang sedia ada. Aset warisan terbina harus dikenal pasti dan dipulihara dengan baik. Justeru, keunikan khazanah warisan dan sejarah tempatan di setiap lokaliti mampu dikekalkan.

PENGHARGAAN

Penghargaan diberikan kepada geran penyelidikan Penjanaaan Maklumat Aset Warisan Muzium Melalui Pembangunan Kod Reka Bentuk (GUP-2021-065) dan Universiti Kebangsaan Malaysia atas kemudahan pembiayaan yang disediakan sepanjang kajian.

RUJUKAN

- Abu, J. 2023. Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486] – Kesilapan Bayaran Pampasan. *Jurnal INSTUN*. 8(1) : 19-44
- Chiaradia, A.J.F. 2019. Urban Morphology/Urban Form. *The Wiley Blackwell Encyclopedia of Urban and Regional Studies*. John Wiley & Sons Ltd.
- Cohen, N. 2001. *Urban Planning Conservation and Preservation*. McGraw Hill.
- Erkan, Y. 2018. The way forward with historic urban landscape approach towards sustainable urban development. *Built Heritage* 2: 82-89.
- Fielden, B.M. 2003. *Conservation of Historic Buildings*. Third Edition. London: Architectural Press.
- He, Q., Larkham, P. & Wu, J. 2021. Evaluating historic preservation zoning using a landscape approach. *Land Use Policy* 109.
- Idid, S. Z. A. 1995. *Pemeliharaan Warisan Rupa Bandar: Panduan Mengenali Warisan Rupa Bandar Berasaskan Inventori Bangunan Warisan Malaysia*. Kuala Lumpur: Badan Warisan Malaysia.
- Jabatan Tanah dan Galian. 2020. *Prosedur Operasi Standard Bagi Permohonan Pengambilan Tanah Untuk Maksud Awam dan Lain-Lain Tindakan Susulan Oleh Kementerian/Jabatan Pengguna*.
- Jebur, A. K. 2021. Uses and applications of Geographic Information Systems. *Saudi Journal of Civil Engineering* 5(2): 18-25.
- Jiang, J., Zhou, T., Han, Y. & Ikebe, K. 2022. Urban heritage conservation and modern urban development from the perspective of the historic urban landscape approach: A case study of Suzhou. *Land* 11(8) : 1251
- Lai, L.W.C., Hung, H. & Chua, M.K. 2017. Maps as Coasian coordination tools: Heritage conservation and map representation. *Land Use Policy* 62.

- Malaysia. 2005. *Guidelines for Conservation Areas and Heritage Buildings*. Municipal Council of Penang.
- Malaysia. 2016. *Rancangan Kawasan Khas Bukit Bendera*. PLANMalaysia.
- Malaysia. 2016. *Rancangan Kawasan Khas Tapak Warisan Dunia George Town*. PLANMalaysia.
- Malaysia. 2021. *Draf Rancangan Kawasan Khas Warisan Bandar Taiping 2.0 Perak Darul Ridzuan*. PLANMalaysia
- Malaysia. 2021. *Draf Rancangan Kawasan Khas Zon Pelancongan Ayer Keroh*. PLANMalaysia
- Malaysia. Act 486. 2006. *Land Acquisition Act 1960*. Laws of Malaysia.
- Malaysia. Akta 645. 2006. *Akta Warisan Kebangsaan 2005*.
- Muhammad Afiq Wasie Mohd Asri
Institute of The Malay World and Civilization,
National University of Malaysia, Selangor, Malaysia
p119285@siswa.ukm.edu.my
- Nor Zalina Harun
Institute of The Malay World and Civilization,
National University of Malaysia, Selangor, Malaysia
nzalina@ukm.edu.my
- Muhamad Solehin Fitry Rosley
Institute of The Malay World and Civilization,
National University of Malaysia, Selangor, Malaysia
solehin@ukm.edu.my
- Khalilah Zakariya
Kulliyah of Architecture and Environmental Design
International Islamic University Malaysia
khalilah@iiu.edu.my
- Undang-Undang Malaysia. Cetakan Semula. Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia.
- Malaysia. Jabatan Konservasi Warisan. Portal Rasmi Majlis Bandaraya Pulau Pinang. <https://www.mbpp.gov.my/ms/perkhidmatan/jabatan/jabatan-konservasi-warisan>. [22 Ogos 2023]
- Mohamed, S.A M. & Harun, N.Z. 2018. Pendekatan analisa morfologi bandar: Satu kajian rintis mengenai perkembangan kajian ke arah pemeliharaan bandar Melayu. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 6(3): 91.
- Mootar, M.Q. 2019. *Pemuliharaan Bangunan Warisan Dari Aspek Sejarah di George Town*. Pulau Pinang. Universiti Sains Malaysia.
- Oliviera, V. 2016. *Urban Morphology an Introduction to the Study of the Physical Form of Cities*. Switzerland: Springer.
- Prabowo, B.N., Pramesti, P.U., Ramandhika, M. & Sukawi, S. 2020. Historic Urban Landscape (HUL) approach in Kota Lama Semarang: mapping the layer of physical development through the chronological history. *IOP Conf. Series: Earth and Environment Science*: 402.
- Salleh, Y. 2010. *Pengenalan Pemuliharaan Bandar*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siregar, J.P. 2018. The evolving cultural heritage concept: A theoretical review of cultural heritage in Indonesia. *IOSR Journal of Engineering (IOSRJEN)* 7(8) : 57-62
- Udejaja, C., Trillo, C., Awuah, K.G.B., Makore, B.C.N., Patel, D.A., Mansuri, L.E. & Jha, K.N. 2020. Urban heritage conservation and rapid urbanization: Insights from Surat, India. *Sustainability* 12(6) : 2172.
- UNESCO. 2016. *The Hul Guidebook Managing Heritage In Dinamic And Constantly Changing Urban Environments: A Practical Guide to UNESCO's Recommendation on The Historic Urban Landscape*. 15th World Conference of the League of Historical Cities. Bad Ischl. Austria.
- Xia, S., Liu, B. & Wang, H. 2022. Construction of a sustainability-based attribute conservation assessment model in historic areas. *Buildings* 12(9): 1346
- Zeayter, H., Mansour, A. & Mansour, H. 2018. Heritage conservation ideologies analysis – Historic urban lanscape approach for a mediterranean historic city case study. *Journal of Housing and Building National Research Center*. 14(3): 345-356.